

18 NOV 1996

PEMUDA PEMANGKIN GERAKAN REFORMASI

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi hari ini melancarkan slogan baru pergerakan itu yang berbunyi "Pemuda Pemangkin Gerakan Reformasi."

Katanya slogan itu selaras dengan kehendak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan Umno melakukan reformasi dalam pelbagai bidang bagi mengangkat martabat bangsa, agama dan negara.

"Sebelum kita mereformasikan masyarakat, Pemuda akan mereformasikan dirinya sendiri terlebih dahulu," kata Ahmad Zahid ketika melancarkan slogan baru itu pada majlis makan malam "Pemuda Bersama Wartawan" di sebuah hotel terkemuka di sini.

Antara yang hadir, Pengerusi Institut Akhbar Malaysia Datuk Mazlan Nordin, Ketua Pengarang Kumpulan Berita Harian Datuk Ahmad Nazri Abdullah, Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Encik Johan Jaafar dan Pemangku Ketua Pengarang Bernama Syed Jamil Syed Jaafar.

Majlis itu bertujuan memperkenalkan kepada wartawan tempatan, barisan anggota exco pergerakan yang menang pada pemilihan parti bulan lepas.

Ketika merasmikan perhimpunan agung parti itu, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata: "Sama ada kita akan dapat menebus maruah kita atau tidak, menjadi bangsa yang dihormati dan dipandang tinggi oleh bangsa-bangsa lain di dunia dan menjadi satu daripada bangsa maju, bergantung kepada reformasi budaya yang telah dan akan dibawa oleh Umno."

Ahmad Zahid berkata Pemuda bersedia menjadi pemangkin kepada usaha Umno itu dan juga bersedia menghadapi atau menentang sesiapa sahaja yang cuba menggagalkannya. -- BERNAMA

AH RON